

**PERTANDINGAN MENCIPTA TEMA HARI INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2016**

1.0 PENYERTAAN

1.1 Penyertaan Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi ini adalah terbuka kepada semua pegawai dan anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

2.0 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap tema hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) Mengandungi perkataan “inovasi”;
 - (ii) Fokus kepada sistem penyampaian Kerajaan;
 - (iii) Menekankan isu-isu semasa perkhidmatan awam dan budaya kreatif dan inovatif
- 2.2 Tema mestilah tidak melebihi lima (5) patah perkataan.
- 2.3 Tema hendaklah dalam Bahasa Malaysia.
- 2.4 Setiap tema yang dikemukakan hendaklah disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat (tidak melebihi 30 patah perkataan).
- 2.5 Penciptaan tema mestilah **karya asli peserta** (panel penilai/urusetia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli).
- 2.6 Setiap individu boleh menghantar maksimum lima (5) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih daripada setiap individu untuk memenangi hadiah utama atau saguhati.
- 2.7 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran B** (boleh dimuat turun di Portal Perak www.perak.gov.my).
- 2.8 Penyertaan hendaklah dibuat secara pos / e-mel / faks.
- 2.9 Urusetia/Panel Penilai tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

3.0 HADIAH

- 3.1 Tema terbaik akan memenangi hadiah utama iaitu wang tunai berjumlah RM300.00, plak dan sijil penghargaan.
- 3.2 Sepuluh (10) hadiah saguhati akan menerima wang tunai berjumlah RM50.00 setiap satu dan sijil penghargaan.

“INOVASI DIDEPANI VISI DIREALISASI”

4.0 KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 4.1 Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- 4.2 Semua pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Urusetia pertandingan.

5.0 PENYAMPAIAN HADIAH

- 5.1 Hadiah untuk pemenang utama sahaja akan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 yang akan diadakan pada 17 Oktober 2016.
- 5.2 Pemenang saguhati akan dihubungi oleh pihak Urusetia.

6.0 PENGHANTARAN BORANG PERTANDINGAN

- 6.1 Setiap borang penyertaan hendaklah dihantar melalui:

- (a) Pos:
**Urusetia Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi 2015
d/a Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH**
- (b) E-mel:
prosuk@perak.gov.my
- (c) Faks
05-2555026

7.0 TARIKH TUTUP

- 7.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **31 Ogos 2016 (Rabu) jam 12.00 tengah hari.**